

10 DEC 1998

Rafidah-IT

PENGGUNAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT SEKTOR AWAM TINGKAT KECEKAPAN

KUALA LUMPUR, 10 Dis (Bernama) -- Usaha kerajaan untuk memperluaskan penggunaan teknologi maklumat (IT) dalam jentera dan perkhidmatan kerajaan akan membolehkan sektor awam meningkatkan kecekapan perkhidmatan pentadbiran dan sokongan kepada sektor swasta, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Beliau berkata ia sekali gus membolehkan sektor awam dan swasta bergandingan memesatkan pertumbuhan ekonomi lebih-lebih lagi dalam persekitaran global yang mula memberi keutamaan kepada mengeksploitasi potensi teknologi maklumat.

"Tidak boleh dinafikan bahawa kelebihan daya saing ekonomi negara akan semakin banyak ditentukan oleh sejauh mana teknologi maklumat dapat diaplikasikan dalam pengurusan serta perjalanan ekonomi negara, dan secepat mana kita dapat menerap pembaharuan serta kemajuan yang dimungkinkan oleh IT," katanya semasa berucap pada majlis Anugerah Kualiti Perdana Menteri 1998 di sini hari ini.

Beliau mewakili Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyampaikan anugerah itu dan Sijil MS ISO 9000 Perkhidmatan Awam.

Rafidah berkata pentadbiran dan pengurusan negara menjelang alaf baru semakin menekankan kepada perkongsian bijak sektor awam dan swasta.

"Kerajaan tidak lagi berperanan semata-mata sebagai pemerintah, pengawal dan pentadbir tetapi sebagai rakan usaha sama dengan sektor swasta untuk kepentingan rakyat dan negara sambil menjamin matlamat komersil industri dan perdagangan," katanya.

Beliau berkata amat penting bagi sektor awam dan swasta mengutamakan faktor kecemerlangan seperti kualiti dan produktivi serta pendedahan luas terhadap amalan terbaik dalam setiap aspek operasi dan kerja.

Katanya sektor awam berperanan utama menyediakan dan mempertahankan suasana yang mendorong pertumbuhan ekonomi dengan melaksanakan dasar serta mengamalkan prosidur yang berkesan.

Mengenai pensijilan MS ISO 9000 bagi perkhidmatan awam, Rafidah berkata suasana persekitaran yang sentiasa berubah dan kemajuan pesat IT tidak bererti pensijilan yang diperolehi sesebuah agensi itu telah sampai ke kemuncak kecemerlangan.

"Sebaliknya, segala perubahan dan pembaharuan itu akan memperkenalkan unsur baru mengukur kualiti dan kecemerlangan, serta mewujudkan kriteria baru untuk melayakkan pengiktirafan pensijilan," katanya.

Rafidah berkata kemajuan pesat IT akan memberi definisi baru kepada "prestasi cemerlang" dan apa yang dianggap sebagai "cemerlang" sekarang akan hanya dianggap perkara atau prestasi biasa pada masa akan datang.

Sehubungan itu, katanya cabaran utama sektor awam ialah bukan sahaja perlu selari dengan perubahan tetapi dalam pelbagai aspek mesti mendorong perubahan supaya kualiti perkhidmatannya relevan dengan keperluan dan tuntutan semasa.

Beliau berkata kerajaan elektronik bukan hanya mengenai memasang sistem dan penggunaan perisian atau mewujudkan rangkaian elektronik tetapi keseluruhan fungsi perkhidmatan kerajaan memberi kesan yang berfaedah serta maklumat yang tepat dan terkini.

Katanya tanggungjawab sektor awam semakin mencabar berikutan kegawatan ekonomi dan amat memerlukan semangat Persyarikatan Malaysia yang tinggi yang memerlukannya memastikan suasana dan persekitaran sektor swasta beroperasi mendorong kepada pengurangan kos dan peningkatan kecekapan serta

daya saing.

"Dalam keadaan yang memerlukan, sektor awam perlu mengadakan kelonggaran yang dapat membantu sektor swasta mengatasi cabaran-cabaran pasaran serta memperkukuhkan ketahanan mereka," katanya.

Rafidah kemudiannya menyampaikan Sijil MS ISO 9000 Perkhidmatan Awam kepada lima buah agensi kerajaan dan anugerah Kualiti Perdana Menteri 1998.

Agensi yang menerima pensijilan ISO 9000 ialah Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang; Dewan Bandaraya Kuching Utara, Sarawak; Bank Negara Malaysia; Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia serta Pejabat Tanah dan Galian Negeri Perak.

Bagi Anugerah Kualiti Perdana Menteri 1998, ia dimenangi oleh Majlis Perbandaran Kuantan bagi sektor awam; Subang Jaya Medical Center Sdn Bhd (sektor swasta) dan Koperasi Kedai Buku Universiti Malaya Bhd bagi sektor sosio-ekonomi.

Pemenang anugerah masing-masing menerima hadiah wang RM30,000, sebuah piala iringan dan sijil penghargaan.

Yang turut hadir ialah Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali, Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datin Paduka Hajah Zaleha Ismail dan Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Aziz Nik Mat.

-- BERNAMA

HS NMO